

Newspaper	Berita Harian
Date	10/2/2013

© AHAD 10 FEBRUARI 2013

BH

PRU-13 tentu nasib Melayu

BH - 10/2/2013

» *Pembangkok
buat pindaan
Perlembagaan
jika menang
pilihan raya*

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bharian.com.my

▀ Kuala Lumpur

Hak keistimewaan orang Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan terhakis, berikutan pindaan yang akan dibuat pakatan pembangkang sebagai membalas dendam sebaik menang Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13).

Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata orang Melayu perlu bersatu menyokong Barisan Nasional (BN) bagi memastikan kuasa politik Melayu yang disifatkannya hampir hilang dapat dipertahankan.

"Perlembagaan Persekutuan dibentuk berdasarkan pertimbangan akal fikiran bukan berasaskan emosi dan dibimbangi ia dipinda sewenang-wenang apabila kerajaan berubah untuk membalas dendam.

Hak dilindungi

"Sebab itulah kemenangan dua pertiga BN dalam PRU-13 penting bagi membolehkan keistimewaan Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan dapat dilindungi dan dipertahankan," katanya.

Beliau berkata demikian da-



Dr Mahathir menyampaikan ucapan tama 'Perlembagaan Malaysia Dan Masa Depan Keselamatan Negara' di Kuala Lumpur, semalam. (FOTO NIK HAREF HASSAN/BH)

lam ucapan program santai bersama Dr Mahathir anjuran bersama Kelab Pembangunan Insan Bandar Tun Razak, Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Cheras, di sini semalam.

Dr Mahathir berkata, perpaduan Melayu penting kerana jika mereka kehilangan kuasa politik, kaum itu tidak memiliki apa-apa lagi berikutan kuasa ekonomi dikuasai kaum lain.

Katanya, kaum itu yang membentuk 60 peratus rakyat negara ini kini terbahagi kepada tiga kelompok iaitu penyokong UMNO, PAS dan PKR

menyebabkan mereka lemah.

Katanya, biarpun PAS dan PKR bergabung dalam pakatan pembangkang, namun penyokong kedua-dua parti masih berdebat untuk menentukan Perdana Menteri jika mereka berkuasa.

Bimbang terjajah semula

"PKR mahukan Anwar (Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim), manakala PAS mempertahankan Hadi (Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang) lebih layak menjadi Perdana Menteri," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau bimbang Melayu kembali terjajah sekiranya gagal memper-

tahankan kuasa politik.

Katanya, sebab itulah penting bagi orang Melayu bersatu padu dan mengelak amalan sabotaj calon apabila tidak terpilih sehingga menyebabkan BN tewas di kawasan boleh dimenangi seperti berlaku dalam pilihan raya sebelum ini.

"Sekarang berlaku perebutan calon dalam kalangan ahli UMNO sendiri, misalnya bila 'winnable candidate' (calon boleh menang yang dicalonkan BN) diumumkan, individu lain yang merasakan dirinya adalah 'winnable candidate' akan melakukan sabotaj sehingga parti kalah," katanya.